




SELANGOR

PERATORAN² TETAP

bagi

DEWAN

NEGERI SELANGOR



PERATORAN² TETAP

bagi

DEWAN

NEGERI SELANGOR

DICETAK OLEH
MALINDO PRINTERS SDN. BHD.
SHAH ALAM

KANDONGAN

Urusan Meshuarat

BILANGAN	MUKA SURAT
1. Peratoran Meshuarat ² Pertama sa-lepas Pilehan Raya Negeri	1
2. Menetapkan Kerusi Ahli ² ...	2
3. Memilih Yang di-Pertua ...	3
4. Atoran Memilih Yang di-Pertua	3
5. Mengangkat Sumpah	6
6. Memilih Pegawai Persidangan Sementara	7
7. Bahasa ² Rasmi	9
8. Kewajipan ² Setia-usaha Dewan ...	9
9. Penyata Rasmi	12
10. Penggal ² Persidangan dan Meshuarat ² Dewan ...	13
11. Persidangan ...	14
12. Chukup-bilang	15
13. Atoran Urusan Meshuarat	17
14. Susunan Urusan Meshuarat	18
15. Menangguhkan Dewan	19
16. Usul menangguhkan Meshuarat—Akhir Persidangan	20
17. Menangguhkan Meshuarat—Perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak di-segerakan	22
18. Rayuan ²	23
19. Surat ² Meshuarat ...	26
20-21. Pertanyaan ²	27
22. Pemberitahu berkenaan dengan Pertanyaan ²	27
23. Kandongan ² Pertanyaan	28

BILANGAN**MUKA
SURAT**

24. Chara mengeluarkan pertanyaan dan menjawab pertanyaan ...	32
25. Penerangan sendiri ...	35
26. Pemberitahu Usul ...	35
27. Chara ² mengeluarkan pemberitahu	38
28. Mengubah isi ² sa-suatu usul	40
29. Menarek balek pemberitahu usul	41
30. Meminda usul ²	41
31. Menyokong usul ² dan pindaan ² ...	42
32. Pindaan ² usul hendak-lah dengan surat ...	42
33. Chara membahathkan usul dan pindaan usul ...	42
34. Menarek balek usul ² dan pindaan ²	46

PERATORAN² BERBAHATH

35. Masa dan chara berchakap	47
36. Isi ² uchapan	49
37. Mengganggu	52
38. Had perbahathan	52
39. Mendahului perbahathan	54
40. Menutup perbahathan	54
41. Adab Ahli ² yang tidak berchakap	56
42. Meshuarat hendak-lah diam bila Pengerusi berchakap	56
43. Keputusan Pengerusi ada-lah mutamad ...	57
44. Tertib dalam Meshuarat	57
45. Memutuskan masaalah ²	61
46. Undi dengan suara ...	61
47. Belah-bahagian	63
48. Peratoran berkenaan dengan Rang Undang ²	64
49. Rang Undang ² daripada ahli yang bukan ahli Kerajaan	65
50. Rang Undang ² Persendirian dan Rang Undang ² Champoran	66

BILANGAN	MUKA SURAT
51. Susunan isi Rang Undang ²	70
52. Pehak ² yang di-kenaī oleh Rang Undang ²	71
53. Bacaan kali yang kedua ...	71
54. Menyerahkan Rang Undang ² kepada Jawatan-kuasa ...	72
55. Tugas ² Jawatan-kuasa yang menimbangkan Rang Undang ²	73
56. Jawatan-kuasa sa-buah ² Dewan ...	73
57. Atoran dalam Jawatan-kuasa sa-buah ² Dewan yang menimbangkan Rang Undang ²	74
58. Atoran dalam Jawatan-kuasa Pilehan yang menimbangkan Rang Undang ²	79
59. Menyerahkan sa-kali lagi Rang Undang ² yang telah di-ma'alumkan oleh Jawatan-kuasa sa-buah ² Dewan	79
60. Perbincangan atas Rang Undang ² yang di-ma'alumkan oleh Jawatan-kuasa Pilehan	81
61. Bacaan kali yang ketiga ...	83
62. Menarek balek dan menangguhkan Rang Undang ²	84
63. Rang Undang ² yang mengandongi syarat ² yang hampir ² sama maksud-nya	84
64. Melonggarkan syarat ² berkehendakkan Rang Undang ² itu di-chap	85
65. Anggaran ² Perbelanjaan Tahunan	85
66. Jawatan-kuasa Perbekalan	85
67. Rang Undang ² Anggaran Belanja Tambahan	89
JAWATAN²-KUASA PILEHAN	
68. Jawatan-kuasa Kira ² Wang Kerajaan	92
69. Jawatan-kuasa Peratoran ² Tetap ...	94
70. Jawatan-kuasa Hak dan Kebebasan	95
71. Jawatan-kuasa Pilehan Khas	96
72. Menubuhkan Jawatan-kuasa Pilehan	97
73. Atoran dalam Jawatan-kuasa Pilehan	97

BILANGAN	MUKA SURAT
74. Belah-bahagian dalam Jawatan-kuasa Pilehan	102
75. Menyiarkan keterangan sa-bejūm masa-nya	104
76. Penyata ² dari Jawatan-kuasa Pilehan	104
77. Rang Undang ² dan Pindaan yang mengenai per- belanjaan dari Kumpulan Wang yang di-Satukan	106
78. Merentikan kuatkuasa Peratoran Tetap	106
79. Ahli ² yang tiada dapat hadir	106
80. Memakai Ahli sa-bagai professional	106
81. Orang ² luar ...	107
82. Wakil ² Akhbar	108
83. Ayat mengundang ² kan Rang Undang ²	108
84. Mengeluarkan Rang Undang ²	108
85. Belanja saksi ²	109
86. Tafsir	109
87. Petua ² Yang di-Pertua	110
88. Kuasa ² dalam perkara ² lain	111
89. Membatalkan. <i>Warta</i> Kerajaan Selangor 319/60	111

**PERATORAN² TETAP
DEWAN NEGERI SELANGOR**

Urusan Meshuarat

1. Pada hari mula² di-adakan meshuarat Dewan Negeri sa-lepas Pilihan Raya Negeri dan sa-telah ahli² berkumpul pada waktu dan tempat yang di-tetapkan dan sa-telah ahli² dudok di-kerusi masing² menurut syarat² Peratoran Tetap No. 2, maka Setia-usaha akan membachakan Pemashhoran Duli Yang Maha Mulia memanggil meshuarat dan kemudian daripada itu urusan² meshuarat pada hari itu hendak-lah saperti berikut :

Peratoran
Meshuarat^a
pertama
sa-lepas Pilihan
Raya Negeri.

- (a) memilih Yang di-Pertua;
- (b) Yang di-Pertua mengangkat dan menanda tangani Surat Sumpah dan ikrar saperti berikut—

“Bahawa ada-lah saya.....
.....yang telah
terpilih menjadi Yang di-Pertua
Dewan Negeri bagi Negeri Selangor
dengan sa-sungguh-nya mengangkat
sumpah (atau berikrar) akan menu-
naikan dengan setia-nya kewajipan²

saya dengan sa-berapa daya upaya, dan saya mengaku akan ta'at setia kapada Negeri Selangor, dan saya akan memelihara, memperlindungi dan mempertahankan Perlembagaan Negeri Selangor.”

(c) ahli² yang hadhir mengangkat dan menanda tangan Surat Sumpah saperti yang di-tetapkan dalam Fasal LXXII dalam Perlembagaan,

dan sa-telah selesai urusan² ini, maka Dewan akan di-tanggohkan kapada apa² tarikh dan waktu yang di-tetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia bagi memashhorkan sebab²-nya Baginda bertitah memanggil Dewan.

**Menetapkan
Kerusi Ahli².**

2. (1) Pada hari yang pertama di-adakan meshuarat sa-lepas Pilehan Raya Negeri dan kemudian daripada itu sa-hingga kerusi bagi tiap² ahli di-tetapkan maka ahli² hendak-lah dudok di-mana² jua tempat yang di-atorkan oleh Setia-usaha Dewan.

(2) Yang di-Pertua, sa-baik² di-fikirkannya menasabah sa-sudah ia di-pilih jadi Yang di-Pertua, maka boleh-lah di-tetapkannya kerusi bagi tiap² orang ahli dan boleh-lah di-ubah-nya ketetapan itu dari satu masa ka-satu masa sa-bagaimana yang baik pada timbangan-nya.

(3) Kerusi² akan di-untukkan mengikut timbangan Yang di-Pertua dan keputusannya dalam perkara ini ada-lah mu'tamad.

3. Bila² jawatan Yang di-Pertua itu kosong, baik dengan sebab di-bubarkan Dewan atau dengan lain² sebab, maka Dewan, sa-baik² chukup-bilang ahli-nya hendak-lah memilih Yang di-Pertua.

Memilih Yang di-Pertua.

4 Atoran memilih Yang di-Pertua hendak-lah seperti yang tersebut di-bawah ini :

Atoran memilih Yang di-Pertua.

(1) Tiap² ahli yang hendak menchadang-

kan nama ahli yang hendak di-pilih jadi Yang di-Pertua, hendak-lah memastikan terlebih dahulu ia-itu ahli itu suka berkhidmat jika ia di-pilih, dan juga hendak-lah memberitahu kepada Setia-usaha Dewan sa-belum meshu-

(2) Sa-orang ahli dengan beruchap kepada Setia-usaha Dewan, hendak-lah menchadangkan sa-orang ahli lain yang hadir jadi Yang di-Pertua dan hendak-lah di-keluarkan-nya usul "Ia-itu.....(sebutkan nama ahli itu) di-pilih jadi Yang di-Pertua." Chadangan ini akan di-sokong tetapi tidak di-benarkan di-bahath.

(3) Jika hanya sa-orang ahli sahaja yang di-chadangkan dan di-sokong jadi

Yang di-Pertua maka Setia-usaha Dewan hendak-lah memashhorkan ahli itu telah kena pileh dengan tidak di-kemuka bagi di-putusan oleh me-shuarat, jika lebeh daripada sa-orang ahli di-chadangkan dan di-sokong jadi Yang di-Pertua, maka Dewan hendak-lah menjalankan pilehan dengan undi bersurat.

- (4) Bagi maksud menjalankan undi ber-surat Setia-usaha Dewan hendak-lah memberi kepada tiap² orang ahli yang hadir sa-keping kertas undi dan ahli boleh-lah menuliskan pada kertas itu nama ahli yang hendak di-undi-nya. Kertas² undi hendak-lah di-lipat supaya nama ahli yang tertulis pada kertas itu tidak boleh nampak dan hendak-lah di-tandatangani oleh ahli yang mengundi itu.
- (5) Kertas² undi hendak-lah di-pungut oleh Setia-usaha Dewan atau oleh siapa² pegawai Dewan yang di-wakikan oleh-nya dan hendak-lah di-bilang oleh Setia-usaha di-Meja Dewan. Keputusan undi itu hendak-lah di-mashhorkan oleh Setia-usaha.
- (6) (a) Jika lebeh daripada dua orang chalun telah di-chadangkan dan

dalam undi yang pertama tidak ada chalun yang mendapat undi lebih daripada jumlah undi yang didapati oleh chalun² yang lain, maka chalun yang mendapat undi yang rendah sa-kali hendaklah dikeluarkan daripada pilihan. Lepas itu hendaklah dijalankan undi sa-kali lagi, dan dikeluarkan chalun yang dapat undi yang rendah sa-kali. Demikianlah hendak dijalankan berturut² sa-hingga satu orang chalun mendapat undi lebih daripada undi chalun atau jumlah undi chalun² yang tinggal.

- (b) Dalam undi bersurat di-antara tiga atau lebih daripada tiga orang chalun, jika dua orang atau lebih daripada dua orang chalun dapat sama banyak undi dan sa-orang daripada-nya di-kehendaki ditinggalkan menurut fasal (a) yang tersebut di-atas tadi, maka menetapkan siapa di-antara chalun² yang dapat sama banyak undi itu yang hendak ditinggalkan itu hendaklah dengan jalan membuang undi mengikut apa² jua chara yang ditetapkan oleh Setia-usaha Dewan.

(c) Dalam undi bersurat antara dua orang chalun jika di-dapati sama banyak undi, hendak-lah di-jalankan undi bersurat sa-kali lagi, dan jika di-dapati sama banyak juga undi maka hendak-lah di-putuskan dengan membuang undi menurut apa² jua chara yang di-tetapkan oleh Setia-usaha Dewan.

(7) Kertas² undi itu apabila telah di-kira, hendak-lah di-masokkan ka-dalam sa-buah peti dan sa-saorang ahli apabila telah di-mashhorkan di-pileh jadi Yang di-Pertua, maka peti itu hendak-lah di-meteraikan di-hadapan ahli² meshuarat dan di-simpan dalam jagaan Setia-usaha Dewan sa-lama satu bulan takwim Inggeris dan lepas itu dengan terta'alok kepada apa² perentah yang di-terima daripada Dewan, maka Setia-usaha hendak-lah membakar kertas² undi itu dan mengaku kepada Dewan mengatakan kertas² itu telah di-bakar.

**Mengangkat
Sumpah.**

5. (1) Sumpah yang hendak di-lafadzkan mengikut saperti yang di-sebutkan dalam Fasal LXXII dalam Perlembagaan hendak-lah di-jalankan oleh Setia-usaha Dewan dan tiap² orang ahli yang mengangkat sumpah itu hendak-lah menurunkan tanda tangan

dalam sa-buah buku yang akan di-simpan kerana itu oleh Setia-usaha di-Meja Dewan.

(2) Dengan terta'alok kepada syarat dalam perenggan (3), pada bila² jua hari-nya Dewan bersidang, sa-saorang ahli yang belum mengangkat sumpah boleh-lah hadir di-Meja Dewan pada waktu yang di-tetapkan menurut Peratoran Tetap 13 dan hendak-lah ia mengangkat sumpah dan menurunkan tanda tangan dalam Buku Sumpah.

(3) Pada bila² masa Dewan dalam tang-goban, kerana membolehkan sa-saorang ahli itu hadir dan mengambil bahagian dalam mesh Jawatan-kuasa ia-itu di-antara .uarat masa ia jadi ahli meshuarat dengan masa meshuarat sa-kali lagi di-adakan, ahli itu boleh-lah mengangkat sumpah di-hadapan Yang di-Pertua, jika demikian Yang di-Pertua hendak-lah memberitahu Dewan pada m akan datang mengatakan ahli itu 'eshuarat telah mengangkat sumpah di-hadapan-nya.

(4) Bertepatan dengan fasal (4) dalam Per-kara 160 dalam Perlembagaan Persekutuan, sa-saorang ahli, jika di-kehendaki-nya, hendak-lah di-benar menunaikan kehendak mengangkat sumpah itu dengan mengangkat ikrar.

6. (1) Yang di-Pertua tetap-lah jadi penge-rusi bagi meshuarat² Dewan dan jika ia tiada

Memilih
Pegawai
Persidangan
Sementara.

hadhir, apabila di-beri tahu hal itu oleh Setia-usaha maka Dewan boleh-lah dengan usul Menteri Besar, memanggil siapa² ahli mempengerusikan meshuarat. Usul ini hendak-lah di-sokong dan masalah usul itu hendak-lah di-kemukakan oleh Setia-usaha Dewan bagi di-putuskan tetapi tidak di-benarkan di-bahath.

(2) Manakala Setia-usaha Dewan memashhorkan ia-itu Yang di-Pertua tiada hadhir, maka ahli yang mempengerusikan meshuarat menurut perenggan (1), tetap-lah terserah kapada-nya segala kuasa Yang di-Pertua sa-hingga Yang di-Pertua ada hadhir sa-mula.

(3) Pada bila² masa meshuarat bersidang Yang di-Pertua boleh meminta sa-saorang ahli mempengerusikan Dewan itu bagi sementara waktu dengan tidak payah di-beri tahu Dewan dengan sa-chara rasmi dan ahli yang mempengerusikan ini, tetap-lah terserah kapada-nya semua kuasa² Yang di-Pertua sa-hingga Yang di-Pertua balek sa-mula mengetuakan meshuarat.

(4) Bila² Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa sa-buah² Dewan, maka Yang di-Pertua atau ahli yang jadi Pengerusi menurut perenggan (1) atau (3) hendak-lah jadi Pengerusi Jawatan-kuasa sa-buah² Dewan.

(5) Dalam Peratoran² ini, kalimah “Yang di-Pertua” itu termasuklah siapa² ahli yang jadi Pengerusi menurut syarat² dalam perenggan (1) sampai (3) kechuali jika disebutkan terang² ia-itu tidak termasuk ahli lain; dan kalimah “Pengerusi” maksud-nya ia-lah siapa² ahli yang jadi Pengerusi menurut syarat² perenggan (1) sampai (4) kechuali jika kalimah ayat-nya menunjukkan pengertian yang lain.

7. Bahasa² Rasmi Dewan ada-lah Bahasa Melayu dan, menurut syarat² dalam Fasal (2) dan (3) dalam perkara 152 dalam Perlembagaan Persckutuan, ada-lah juga bahasa Inggeris.

Bahasa² Rasmi.

8. (1) Sakurang²-nya empat belas hari sebelum di-buka meshuarat Penggal baharu, Setia-usaha Dewan hendak-lah menghantar kepada tiap² orang ahli suatu pemberitahu bersurat menarek perhatian kepada pemashhoran memanggil Dewan. Sa-kurang²-nya empat belas hari sa-belum di-adakan samula Dewan atau sa-telah di-tanggohkan Dewan lebeh daripada lima hari, maka Setia-usaha Dewan hendak-lah menghantar kepada tiap² orang ahli suatu pemberitahu bersurat menerangkan hari-nya yang telah di-tetapkan bagi meshuarat Dewan akan datang.

Kewajipan²
Setia-usaha
Dewan.

Dengan syarat ia-itu jika dalam hal tergegar pemberitahu seperti yang tersebut tidak-lah di-kehendaki; jika demikian halnya hendak-lah di-keluarkan pemberitahu dengan sa-berapa segera-nya.

(2) Setia-usaha Dewan hendak-lah menghantar kepada tiap² ahli satu Atoran Urusan Meshuarat bagi tiap² hari persidangan meshuarat :

(a) bagi hari pertama dalam sa-suatu meshuarat sa-kurang²-nya tujuh hari sa-belum meshuarat, kechuali jika pada timbangan Yang di-Pertua ada hal-nya hendak di-segerakan; dan

(b) bagi persidangan hari yang lain, dengan sa-berapa segera-nya yang boleh.

(3) Setia-usaha Dewan hendak-lah menyimpan minit² perjalanan meshuarat Dewan dan minit² perjalanan meshuarat Jawatan-kuasa sa-buah² Dewan; dan hendak-lah menghantar satu salinan minit² itu kepada ahli² meshuarat, pada har: esok-nya, atau dengan sa-berapa segera-nya sa-lepas itu.

(4) Dalam minit² dan perjalanan meshuarat ini hendak-lah di-tuliskan nama ahli² yang hadir dan semua ketetapan² Dewan dan jika meshuarat berbelah bahagi,

sama ada dalam Dewan atau dalam Jawatan-kuasa sa-buah² Dewan, hendak-lah mengan-dongi bilangan ahli² yang bersetuju dan ahli² yang tidak bersetuju, nama ahli² yang mengundi dan bilangan serta nama ahli² yang hadir tetapi tidak mengundi. Minit² dan perjalanan meshuarat hendak-lah di-tanda tangan oleh Yang di-Pertua dan apa² kesilapan di-dalam-nya boleh-lah di-bejukan oleh Yang di-Pertua.

(5) Setia-usaha Dewan hendak-lah me-nyediakan dari sa-hari ka-sahari sa-buah Buku Meshuarat dalam pejabat-nya menun-jokkan semua urusan² yang di-tetapkan bagi hari yang akan datang dan apa² pem-beritahu berkenaan dengan Pertanyaan² atau Usul² yang telah di-tetapkan bagi hari akan datang, sama ada di-tentukan hari-nya atau tidak di-tentukan. Buku Meshuarat ini hendak-lah terbuka boleh di-pereksa oleh ahli² pada bila² masa yang menasabah.

(6) Setia-usaha Dewan akan bertanggung jawab menyimpan buku² Minit dan per-jalanan meshuarat, rekod², Rang Undang² dan lain² dokumen yang telah di-kemukakan dalam Dewan dan ini hendak-lah terbuka boleh di-pereksa oleh ahli² Dewan dan orang² lain mengikut apa² atoran yang di-benarkan oleh Yang di-Pertua.

Penyata Rasmi. 9. (1) Sa-buah buku penyata rasmi mengandungi semua ucapan² yang di-lafadzkan dalam Dewan dan dalam Jawatan-kuasa sa-buah² Dewan, hendak-lah di-sediakan ia-itu di-bawah penyeliaan Setia-usaha Dewan.

(2) Penyata ini hendak-lah di-keluarkan menurut apa² rupa chara yang di-arahkan oleh Yang di-Pertua dan satu salinan penyata ini hendak-lah di-hantar kepada tiap² ahli dengan sa-berapa segera-nya sa-telah tamat meshuarat.

(3) Salinan ucapan sa-saorang ahli hendak-lah di-hantar kepada ahli itu sa-belum di-terbitkan. Jika ahli itu tidak memulangkan ucapan itu dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh di-hantar kapada-nya maka ucapan itu akan di-terbit dengan tidak bersemak.

(4) Jika sa-orang ahli mengatakan ia-itu salinan ucapan-nya itu tidak betul atau jika hendak di-ubah-nya ucapan itu pada perkara² yang besar, maka Yang di-Pertua hendak-lah memberi keputusan dan ucapan itu hendak-lah di-terbit mengikut sa-bagaimana yang di-putuskan-nya. Keputusan Yang di-Pertua dalam perkara ini ada-lah mu'tamad dan akan di-beritahu kepada ahli itu.

10. (1) Persidangan² Dewan hendak-lah di-adakan di-mana² tempat tertentu, dan tiap² meshuarat Dewan hendak-lah di-buka pada apa² hari dan waktu yang di-tetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia.

Penggal¹ .
Persidangan
dan Meshuarat¹
Dewan.

(2) Kechuali meshuarat yang pertama dalam tiap² penggal dan dengan terta'alok kapada syarat² perenggan (3) di-bawah ini, meshuarat² Dewan hendak-lah di-mulakan pada apa² hari yang di-tetapkan oleh Dewan :

Tetapi di-sharatkan ia-itu jika Dewan telah di-tanggohkan dengan tidak di-tetapkan hari-nya hendak di-adakan meshuarat akan datang, maka Yang di-Pertua hendak-lah menetapkan hari meshuarat; dan jika demikian Setia-usaha Dewan akan menghantar kapada tiap² ahli suatu pemberitahu bersurat menyatakan bila hari-nya yang telah di-tetapkan, sa-kurang²-nya empat belas hari daripada hari itu.

(3) Pada masa Dewan dalam tanggohan jika Menteri Besar mema'alumkan kapada Yang di-Pertua ia-itu bagi faedah orang ramai mustahak Dewan mengadakan meshuarat lebeh dahulu daripada tarikh yang telah di-tetapkan, maka Yang di-Pertua hendak-lah dengan serta-merta mengeluarkan pemberitahu menyatakan tarikh hendak

di-adakan meshuarat itu dan Dewan hendaklah mengadakan meshuarat pada masa disebutkan dalam pemberitahu itu. Urusan² bagi hari itu hendaklah di-tetapkan oleh Menteri Besar dan pemberitahu berkenaan dengan urusan itu hendaklah di-hantar kepada ahli² tidak lewat daripada masa hendak di-adakan meshuarat itu.

Persidangan.

11. (1) Kechuali jika Dewan mengeluarkan perintah lain :

(a) tiap² persidangan pada hari Ithnin, Thalatha, Rabu atau Khamis hendaklah di-mulakan pada pukul 10 pagi dan di-tanggohkan pada - pukul 1 petang;

(b) tiap² persidangan pada hari Juma'at hendaklah di-mulakan pada pukul 9.30 pagi dan di-tanggohkan pada pukul 12 tengah hari.

dan persidangan demikian itu hendaklah di-mulakan balek pada pukul 2.30 petang dan di-jalankan sampai pukul 4.30 petang atau sampai pukul 5.10 petang pada apa² hari jika ada di-keluarkan an usul hendak me-
hinggakan meshuarat menurut Peratoran Tetap 16.

Dengan syarat sa-suatu usul yang hendak di-putuskan dengan tidak boleh di-pinda atau di-bahath, boleh di-keluarkan oleh

Menteri Besar pada bila² masa supaya meshuarat berkenaan dengan apa² urusan tertentu yang telah di-tetapkan untuk hari itu, di-bebaskan daripada syarat² Peratoran ini.

(2) Pada tiap² kali Dewan hendak di-tanggohkan hendak-lah di-tanggohkan sampai hari esok-nya kechuali jika Dewan, dengan usul yang di-chadangkan oleh Menteri Besar memutuskan hendak di-tanggohkan kapada hari lain sama ada di-tentukan hari-nya atau tidak di-tentukan.

(3) Apabila tamat meshuarat pada hari Juma'at, Dewan dengan tidak di-kemuka bagi di-putusan, hendak-lah di-tanggohkan sa-hingga hari Ithnin yang berikut kechuali jika Dewan ada mengeluarkan perintah lain.

(4) Dengan terta'alok kapada syarat² yang tersebut tadi, Yang di-Pertua, pada bila² masa jua, boleh menanggohkan persidangan Dewan sa-lama masa yang di-tetapan.

12. (1) Chukup-bilang bagi Dewan dan Jawatan-kuasa sa-buah² Dewan hendak-lah mengandongi sa-belas orang ahli dengan tidak termasuk Pengerusi. Chukup-bilang.

(2) Jika siapa² ahli menarek perhatian Pengerusi mengatakan tidak chukup-bilang, maka hendak-lah di-panggil ahli² di-luar

Dewan sa-olah² memanggil ahli kerana hendak di-adakan belah-bahagian.

(3) Sa-telah di-panggil ahli² itu, maka sa-lepas genap dua minit, Yang di-Pertua hendak-lah membilang berapa orang ahli² dalam Dewan; jika tidak chukup-bilang juga, maka hendak-lah di-tanggohkan Dewan itu dengan tidak di-kemuka bagi di-putuskan oleh meshuarat.

(4) Sa-telah di-panggil ahli² dalam masa Jawatan-kuasa sa-buah² Dewan bersidang, maka sa-lepas dua minit Pengerusi hendak-lah membilang berapa ahli Jawatan-kuasa itu yang hadir. Jika tidak juga chukup-bilang, maka Pengerusi hendak-lah meninggalkan kerusi dan Dewan hendak-lah beredar balek saperti asal dan Yang di-Pertua hendak-lah membilang berapa orang yang hadir. Jika masa itu chukup-bilang, maka Dewan hendak-lah sa-kali lagi bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa; tetapi jika tidak chukup-bilang juga maka Yang di-Pertua hendak-lah menanggohkan Dewan dengan tidak di-kemuka bagi di-putuskan oleh Dewan.

(5) Jika, mengikut bilangan ahli² yang mengambil bahagian dalam sa-suatu belah bahagian, termasuk ahli² yang tidak mengundi, nampak pada Pengerusi tidak

chukup-bilangan, maka belah-bahagian itu ada-lah tidak sah dan urusan yang sedang di-binchangkan itu hendak-lah di-tanggohkan kepada persidangan Dewan akan datang dan urusan satu lagi hendak-lah di-jalankan.

13. (1) Urusan² bagi tiap² persidangan meshuarat hendak-lah mengikut atoran seperti di-bawah ini kechu'ali jika Dewan menetapkan atoran lain :

Atoran Urusan
Meshuarat.

- (a) Yang di-Pertua masok ka-dalam Dewan dengan sa-chara rasmi.
- (b) Membacha Do'a.
- (c) Ahli² baharu, mengangkat sumpah.
- (d) Titah daripada Duli Yang Maha Mulia.
- (e) Pemashhoran daripada Yang di-Pertua.
- (f) Rayuan².
- (g) Pertanyaan² kepada Menteri Besar.
- (h) Permintaan hendak menanggohkan Dewan kerana perkara kepentingan kepada orang ramai yang berkehendak di-segerakan.
- (i) Penerangan daripada Menteri Besar.
- (j) Uchap pujian.
- (k) Uchapan² ta'ziah.
- (l) Memberi penerangan sendiri.
- (m) Membawa Rang Undang² Kerajaan ka-dalam meshuarat.

(n) Usul² berkenaan dengan Atoran Urusan Meshuarat (hendak-lah di-keluarkan oleh Menteri Besar).

(o) Usul² hendak mengemukakan Rang Undang².

(p) Urusan 'am.

(2) Dewan dengan di-keluarkan usul (hendak-lah di-keluarkan oleh Menteri Besar) yang akan di-putuskan dengan tidak boleh di-pinda atau di-bahath, dan yang tidak berkehendak di-keluarkan pemberitahu terlebih dahulu boleh memutuskan hendak menjalankan mana² urusan dengan tidak mengikut atoran yang telah di-tetapkan. Usul ini hendak-lah di-dahulukan daripada urusan² lain.

Susunan
Urusan
Meshuarat.

14. (1) Pada tiap² hari persidangan meshuarat, urusan Kerajaan hendak-lah di-dahulukan daripada urusan² lain.

(2) Urusan Kerajaan hendak-lah di-atorkan mengikut sa-bagaimana yang baik pada timbangan Kerajaan dan akan di-beritahu kepada Setia-usaha Dewan.

(3) Pemberitahu berkenaan dengan usul² yang hendak di-keluarkan oleh ahli² yang bukan ahli Kerajaan hendak-lah di-dahulukan daripada Rang Undang² yang di-bawa oleh ahli² yang bukan ahli Kerajaan dan

hendak-lah di-atorkan mengikut susunan-nya dalam Buku Meshuarat.

(4) Rang Undang² yang di-bawa oleh ahli² yang bukan ahli Kerajaan hendak-lah di-ambil mengikut susunan-nya dalam Buku Meshuarat.

(5) Usul sa-saorang yang bukan ahli Kerajaan yang telah di-chadangkan dalam sesuatu meshuarat Dewan tetapi belum putus, apabila penchadang-nya memberitahu hendak di-sambong dalam meshuarat akan datang, hendak-lah di-dahulukan daripada usul² lain yang hendak di-bawa oleh ahli² lain yang bukan ahli Kerajaan.

15. (1) Kechuali menurut syarat² Peratoran Tetap 17 usul hendak menangguhkan Dewan tidak boleh di-keluarkan sa-hingga pukul 4.30 petang atau sa-hingga selesai atau ditanggohkan semua sa-kali urusan² dalam Atoran Urusan Meshuarat bagi persidangan meshuarat. Dan usul demikian ini tidak boleh di-keluarkan kechuali menurut syarat² Peratoran ini dan Peratoran Tetap 16. Menangguhkan Dewan.

(2) Pada pukul 4.30 petang, Yang di-Pertua akan merentikan perjalanan meshuarat atau jika Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa, maka Pengerusi hendak-lah meninggalkan kerusi dan mema'alumkan

kapada Dewan sa-banyak mana telah di-jalankan urusan² Jawatan-kuasa.

(3) Sa-telah tamat perjalanan meshuarat menurut syarat² perenggan (2), atau sa-telah selesai atau di-tanggohkan urusan² dalam Atoran Urusan Meshuarat. maka Yang di-Pertua hendak-lah menanggohkan Dewan, atau jika telah di-keluarkan usul hendak menanggohkan Dewan, menurut syarat² Peratoran Tetap 16, maka hendak-lah Yang di-Pertua memanggil sa-orang ahli Kerajaan menchadangkan "Ia-itu Dewan ini di-tanggohkan sekarang."

Usul
menanggohkan
Meshuarat—
Akhir
Persidangan.

16. (1) Sa-telah di-chadangkan "Ia-itu Dewan ini di-tanggohkan sekarang" menurut syarat² perenggan (3) dalam Peratoran Tetap 15, siapa² ahli yang telah mendapat kebenaran hendak memberi ucapan, boleh-lah mengeluarkan kapada Dewan berkenaan dengan apa² perkara tadbir yang dalam tanggong-jawab dan Menteri Besar boleh-lah menjawab-nya.

(2) Siapa² ahli yang hendak mengeluarkan sa-suatu perkara menurut syarat² dalam perenggan (1) hendak-lah memberitahu dengan surat kapada Yang di-Pertua, tidak kurang tujuh hari sa-belum persidangan meshuarat yang hendak di-keluarkan perkara itu. Dengan syarat telah di-beri tahu saperti